

# Wakil USIM kunjungi warga emas

Oleh Eb Syawani Szali  
bhvarsiti@bharian.com.my

**"E**NAM tahun tanpa kunjungan sesiapa akhirnya terubat juga rindu yang amat mendalam kepada anak sendiri," begitulah kata-kata tulus dan suci yang terungkap daripada naluri seorang ibu, antara penghuni Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh, Selangor ketika menerima kunjungan Urus Setia Kesenian Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersempena dengan Program One Day Community Care II (ODCC).

Program itu antara aktiviti tahunan di bawah siri Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) yang menekankan aspek kesedaran sosial kalangan mahasiswa USIM selepas kejayaan program IDCC I yang diadakan di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah, Seremban, Negeri Sembilan, tahun lalu.

Ketua Unit Kebudayaan BHEP USIM, Ismail Ahmed berkata, senario masyarakat hari ini yang semakin lupa akan tanggungjawab sosial sepatutnya dipikul bersama dalam memastikan perancangan ke arah mencapai negara maju menjelang tahun 2020 tercapai.

Katanya, kesibukan masyarakat dalam arus kemodenan menjadi



SEBAHAGIAN peserta Program ODCC USIM yang berlangsung di Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh.

penyumbang kepada pelbagai isu sosial yang semakin ketara termasuk pembuangan bayi, pengabaian kepada ibu bapa yang uzur dan tua serta juga kes penderaan kanak-kanak.

"Lebih menyedihkan, masyarakat mula menuding jari dan meletakkan kesalahan itu kepada orang lain sedangkan mereka sepatutnya bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran lebih selamat dengan saling tegur-menegur dan nasihat-menasihati sebagai budaya hidup.

"Lantaran itu, pembabitan dan pengalaman yang diperolehi mahasiswa USIM dalam program ODCC akan menambahkan nilai murni untuk berkhidmat kepada masyarakat apa-

bila tamat pengajian kelak," katanya.

Dianjurkan Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, program mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat disertai 43 mahasiswa Urus Setia Kesenian Pelajar yang aktif dalam program seni budaya serta 43 penghuni Kompleks Penyayang Bakti.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, berkata program ODCC itu amat bersesuaian dengan matlamat utama PTKM yang merujuk kepada usaha mementingkan kecemerlangan mahasiswa dari segi sahsiah terutama dalam mewujudkan kesedaran sosial.

ODCC terbahagi kepada tiga pendekatan utama iaitu One Personal Touch, One Pocket Motivation dan One Arts Therapy

Pendekatan itu memberi peluang kepada peserta memberi khidmat seperti berkongsi perasaan, membantu menyediakan keperluan harian penghuni, motivasi berkumpul menggunakan kaedah Islam misalnya tazkirah dan kem solat, menghayati lagu patriotik, bermain alat muzik dan segmen paling disukai penghuni ialah *One Arts Therapy* yang mempersembahkan Kesenian 1 Malaysia antaranya Dikir Barat, muzik akustik, nyanyian lagu patriotik, pantun, tarian zapin.